



KEPELBAGAIAN PENGURUSAN, POTENSI DAN CABARAN INSTITUSI TAHFIZ DI MALAYSIA

(Diversity of Management, Potential and Challenges of Tahfiz Institutions in Malaysia)

Nurul Huda Mohammad^{1*}, Noor Syahidah Mohamad Akhir¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 08400 Merbok, Malaysia

*Corresponding Author Email: nurulhudamohd98@gmail.com

Received: 28 March 2022 • Accepted: 19 May 2022 • Published: 30 April 2023

Abstract

The emergence of tahfiz institutions (IT) is a benchmark that tahfiz education is one of the choices of society nowadays. This scenario makes tahfiz institutions grow in various categories to give tahfiz education opportunities to every age group. The objectives of this study are to identify the diversity of management of tahfiz IT institutions, to identify the potential diversity of tahfiz education in Malaysia and to evaluate the challenges of tahfiz education specifically in the era of the Covid-19 pandemic. This article is a conceptual paper using qualitative methods. The study uses the literature review method by analyzing the content of primary and secondary sources to answer the three objectives of the study. The results of the study found that the diversity of management of tahfiz institutions in Malaysia includes three main categories, namely government tahfiz schools, private tahfiz schools and government tahfiz colleges. These three main categories are seen to provide opportunities for people of all ages who want to study IT. In addition, IT is seen to have good potential to continue to develop with the opportunity to continue studying in professional fields at public and private higher education institutions. However, IT is seen to have challenges that must be overcome in order to maintain the institution, especially in the face of the Covid-19 pandemic era. Various alternatives and innovations are implemented to help educational institutions including IT to continue operating. Various parties are seen to be always ready to take proactive steps to ensure that IT continues to develop.

Keywords: *Al-Quran; Challenges; Management; Potential; Tahfiz Institution*

Abstrak

Kepesatan institusi tahfiz (IT) menjadi penanda aras bahawa pendidikan tahfiz merupakan antara pilihan masyarakat kini. Senario ini menjadikan institusi tahfiz berkembang dalam pelbagai kategori bagi memberi peluang pendidikan tahfiz kepada setiap peringkat umur. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti

kepelbagaian pengurusan institusi tahfiz IT, mengenalpasti kepelbagaian potensi pendidikan tahfiz di Malaysia dan menilai cabaran pendidikan tahfiz khusus di era pandemik Covid-19. Artikel ini merupakan kertas konseptual menggunakan kaedah kualitatif. Kajian menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan menganalisa kandungan terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjawab ketiga-tiga objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa kepelbagaian pengurusan institusi tahfiz di Malaysia merangkumi tiga kategori utama iaitu sekolah tahfiz kerajaan, sekolah tahfiz swasta dan kolej tahfiz kerajaan. Tiga kategori utama ini dilihat memberi peluang kepada segenap lapisan umur yang ingin menuntut ilmu di IT. Selain itu, IT dilihat mempunyai potensi yang baik untuk terus membangun dengan adanya peluang menyambung pengajian dalam bidang profesional di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Namun, IT dilihat mempunyai cabaran yang terpaksa diharungi demi mengekalkan institusi terutama dalam mendepani era pandemik Covid-19. Pelbagai alternatif dan inovasi dilaksanakan bagi membantu institusi pendidikan termasuklah IT untuk terus beroperasi. Pelbagai pihak dilihat sentiasa bersedia dalam mengambil langkah proaktif bagi memastikan IT kekal membangun.

Kata kunci: Al-Quran; Cabaran; Institusi Tahfiz; Pengurusan; Potensi

Cite as: Mohammad, N.H., Akhir, N.S. (2023). Diversity of Management, Potential and Challenges of Tahfiz Institutions in Malaysia. *Asian People Journal*, 6(1), 36-52.

PENGENALAN

Pendidikan tahfiz merupakan antara pendidikan yang terawal bertapak di tanah melayu dalam sejarah pendidikan agama Islam (Zakaria et al., 2018). Pendidikan tahfiz ini semakin mendapat sambutan daripada golongan pelajar dan ibu bapa. Malah, institusi bagi pendidikan tahfiz ini bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan apabila keadaan ini dilihat semakin banyak melahirkan para ilmuan agama. Dapatan kajian oleh sarjana Talib et al. (2017) mendapati bahawa pengajian tahfiz menjadi alternatif kepada ibu bapa yang mahu melahirkan generasi yang beriman dan profesional. Kesedaran di kalangan umat Islam mengenai kepentingan dan kelebihan menghafaz al-Quran semakin meningkat juga menggalakkan ibu bapa menghantar mereka ke institusi tahfiz.

Walaupun sekolah tahfiz mendapat sambutan yang positif daripada masyarakat, namun masih ada segelintir pihak yang menyangka bahawa institusi tahfiz ini hanyalah terdiri daripada satu kategori sahaja. Walhal, terdapat pelbagai jenis institusi tahfiz yang telah lama dibangunkan di Malaysia termasuklah dari peringkat rendah hingga ke institusi tinggi. Zakaria et al. (2018) pula bersetuju terdapat pelbagai institusi tahfiz ditubuhkan sehingga membawa kepada pelbagai kaedah yang diaplikasikan bagi menghasilkan huffaz yang mantap. Justeru, objektif utama artikel ini adalah untuk melihat kepelbagaian institusi tahfiz yang terdapat di Malaysia.

Selain itu, sesetengah pihak menyangka bahawa IT melibatkan pembelajaran berkenaan dengan subjek agama semata-mata. Hakikatnya, institusi tahfiz kini kebanyakannya menyediakan pembelajaran untuk subjek seperti sains tulen dan sebagainya. Kenyataan ini selari dengan pandangan Solahuddin Ismail (2016) yang menyatakan bahawa institusi tahfiz kini tidak lagi menghadkan pembelajaran para pelajar dengan hanya menghafaz al-Quran dan mempelajari ilmu al-Quran sahaja. Malah lebih daripada itu, ada institusi tahfiz yang menerapkan ilmu pengajian al-Quran dan ilmu konvensional yang lain dalam kurikulum mereka. Terdapat kaedah tradisional dan kaedah moden yang diimplimentasikan oleh institusi tahfiz. Selain itu, aliran setiap institusi tahfiz juga berbeza di setiap sekolah tahfiz dimana ada yang menggunakan aliran sains, aliran agama ataupun qiraat (Nawi & Salleh, 2017). Keadaan ini menunjukkan institusi tahfiz semakin kreatif dalam kurikulum pendidikan para pelajar dan menjadikan mereka tidak ketinggalan di belakang.

Sesetengah juga menyangka bahawa institusi agama ini hanyalah untuk melahirkan golongan ilmun agama sahaja dan tiada peluang untuk kerjaya lain, walhal masih banyak cabang kerjaya dan peluang setelah menamatkan pengajian dari institusi tahfiz. Daripada akhbar Sinar Harian (2019), didapati bahawa pelajar lepasan institusi tahfiz juga ditawarkan dengan pelbagai bidang profesional sebagaimana yang dimaklumkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, pelajar lepasan tahfiz ditawarkan dengan bidang-bidang professional seperti perubatan, kejuruteraan, ekonomi dan perniagaan juga undang-undang.

Di Malaysia, pelbagai jenis sistem dan kurikulum yang ditawarkan oleh institusi tahfiz dari tahap sekolah rendah hinggalah ke peringkat pendidikan tinggi. Terdapat beberapa sistem dan kurikulum yang membezakan institusi tahfiz di Malaysia. Manakala tahap pendidikan institusi tahfiz (IT) secara asasnya terbahagi kepada sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi. Dalam artikel ini, penulis menerangkan tiga kategori utama institusi tahfiz di Malaysia. Kedua, artikel ini mengenalpasti potensi IT selari dengan era masa kini. Ketiga, artikel ini merungkai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh IT terutama dalam pandemik Covid-19 di Malaysia. Bagi memperoleh dapatan untuk menyiapkan artikel ini, sumber sekunder diperoleh melalui bahan bacaan dan perpustakaan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metodologi kajian dalam mencapai objektif kajian. Pendekatan kualitatif dalam artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan ini melibatkan proses pengumpulan data daripada sumber primer dan sekunder iaitu bahan bacaan seperti jurnal, buku, artikel, kertas persidangan, akhbar harian dan sebagainya. Data turut dikumpul melalui laman jurnal rasmi perpustakaan Universiti Teknologi MARA (UiTM), laman rasmi Jurnal Intelek UiTM Perlis serta *Web of Science* (WoS) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang membincangkan isu yang berkait dengan tajuk artikel. Seterusnya data dianalisis menggunakan kaedah analisa kandungan terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjawab persoalan kajian.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Perkembangan Institusi Tahfiz (IT) di Malaysia

Institusi Tahfiz berkait rapat dengan bidang Pengajian Islam. Sejak kemasukan Islam ke alam Melayu, bidang pengajian Islam telah mula berkembang. Masyarakat Melayu sangat mementingkan celik huruf dan menasarkkan untuk tamat bacaan al-Quran (khatam). Rumah tuan guru, masjid dan surau dijadikan tempat pengajian agama untuk masyarakat. Ia dilaksanakan secara tidak formal dan tidak diinstitusikan. Seiring perkembangannya institusi pondok (pesantren) dan madrasah turut didirikan bagi memenuhi jumlah pelajar yang ramai.

Perkembangan pengajian tahfiz lebih terkehadapan setelah negara mencapai kemerdekaan. Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat (1966) bertempat di Masjid Negara merupakan IT pertama yang ditubuhkan secara formal (Abdullah, Abdullah, Rosman, & Ilias, 2015). Ia diasaskan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj pada tahun 1966. Idea ini sebenarnya bermula pada tahun 1960 rentetan daripada pertandingan musabaqah al-Quran serta lawatan rasmi Syekh Mahmud Syaltut (Universiti al-Azhar) ke majlis perasmian Masjid Negara Malaysia.

Kerajaan negeri lain turut sama menubuhkan institusi pengajian tahfiz. Antaranya Kelantan (1979M), Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor (1980M), Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah (1990M) (Nawi & Salleh, 2017). Walau bagaimanapun IT kerajaan ini sangat terhad jumlahnya. Tambahan pula kebanyakannya menawarkan pengajian menengah dan pengajian tinggi. Pengambilan pelajar perlulah memenuhi syarat-syarat kelayakan dengan pencapaian cemerlang. Senario ini telah memberi ruang kepada penubuhan IT

swasta bagi memenuhi permintaan tinggi masyarakat. Penubuhan IT swasta ini dilihat membantu kerajaan dalam memenuhi kapasiti pelajar yang ramai (Solahuddin Ismail, 2016). Pertumbuhan IT swasta dilihat semakin bertambah setiap tahun dengan jumlah pelajar dan tenaga pengajar yang sentiasa bertambah. Kesemua negeri di Malaysia mempunyai IT swasta dari peringkat pra sekolah, rendah dan menengah. IT swasta ini didirikan dengan pelbagai dana kewangan antaranya modal persendirian, badan bukan kerajaan (NGO), sedekah dan wakaf. Di samping itu, bantuan kerajaan melalui JAKIM turut disalurkan bagi IT swasta yang berdaftar (Akhir et al., 2019).

IT swasta yang pertama ditubuhkan di Malaysia adalah Raudatul Tahfiz al-Quran (1981M) yang kemudiannya dikenali sebagai Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat di Selangor. IT swasta kedua ditubuhkan adalah Madrasatul Quran Kubang Bujok (1982M) di Terengganu oleh Tuan Haji Muda Haji Deraman (Nawi & Salleh, 2017). Penubuhan IT swasta ini adalah rentetan daripada cetusan ijtimak Tabligh sedunia. Kini IT swasta tumbuh dengan pesat di Malaysia di mana sebahagian besarnya di daftarkan dan terdapat juga institusi yang masih belum mendaftar.

Kategori Institusi Tahfiz (IT) di Malaysia

Seiring dengan perkembangan semasa, IT juga mengorak langkah kemajuan dari masa ke masa. Di Malaysia, IT terbahagi kepada dua jenis pemilikan, iaitu institusi tahfiz kerajaan dan institusi tahfiz swasta. IT di Malaysia juga terdapat dalam pelbagai peringkat iaitu Pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi (Solahuddin Ismail, 2018). Terdapat pelbagai jenis IT di Malaysia iaitu i) Maahad Tahfiz Negeri, ii) Maahad Tahfiz Swasta dan iii) Kolej Tahfiz Negeri. Kepelbagaian jenis IT, peringkat pengajian dan jenis pemilikan menggambarkan IT memiliki prospek yang luas di negara ini.

Maahad Tahfiz Negeri (MTN) sama ada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah atau sekolah rendah dan menengah, merupakan institusi pemilikan kerajaan. Ia ditubuhkan oleh kerajaan negeri dan ditadbir oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). MTN menggunakan kurikulum kebangsaan dan kurikulum tahfiz yang dikeluarkan oleh JAIN. Sumber dana kewangan institusi adalah sepenuhnya daripada pihak kerajaan. Dana yang diperolehi diperuntukan untuk tadbir urus institusi seperti pembayaran gaji guru dan kemudahan infrastruktur. Walau bagaimanapun, jumlah MTN di setiap negeri di Malaysia adalah terhad dan tidak dapat menampung permintaan yang tinggi daripada masyarakat. Berikut merupakan statistik MTN di Malaysia:

Jadual 1: Maahad Tahfiz Negeri di Malaysia

NEGERI	2019	2020 (Sehingga Mac)
Johor	0	0
Kedah	1	1
Kelantan	7	7
Melaka	1	1
Negeri Sembilan	0	0
Pahang	1	2
Pulau Pinang	0	0
Perak	5	4
Perlis	0	0
Selangor	4	4
Sabah	0	0
Sarawak	0	0
Terengganu	1	0
Wp Kuala Lumpur	0	0
Wp Labuan	0	0
Wp Putrajaya	0	0
Jumlah	20	19

Sumber: Statistik Kelas al-Quran & Fardhu Ain (KAFA) & Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan, JAKIM (2020)

Maahad Tahfiz Swasta atau Sekolah Tahfiz Swasta (STS) di Malaysia juga terdapat dalam pelbagai peringkat. Peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah rendah dan menengah. Pelajar di STS rendah kebiasaan lingkungan 7-12 tahun, manakalah STS menengah dalam lingkungan 13-19 tahun dan STS rendah dan menengah seawal umur 6 -20 tahun. STS merupakan institusi yang ditubuhkan dan ditadbir oleh individu, organisasi, persatuan, syarikat korporat dan pertubuhan politik. STS didaftarkan di bawah JAIN dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Walau bagaimanapun, sebahagian kecil STS ini masih belum mendaftarkan institusi mereka (Akhir et al., 2021). Dari segi dana kewangan, STS dibiayai oleh pelbagai sumber antaranya modal persendirian, sumbangan masyarakat seperti sedekah dan wakaf (Akhir et al., 2019). Berikut merupakan statistik STS di Malaysia:

Jadual 2: Maahad Tahfiz Swasta atau Sekolah Tahfiz Swasta (STS) Berdaftar

NEGERI	2018	2019	2020	2021
Johor	116	135	109	121
Kedah	66	75	88	91
Kelantan	50	56	51	55
Melaka	55	61	61	64
Negeri Sembilan	24	41	53	51
Pahang	41	46	66	83
Pulau Pinang	26	27	46	52
Perak	66	77	84	90
Perlis	10	11	12	15
Selangor	307	377	378	383
Sabah	24	42	36	45
Sarawak	12	24	31	29
Terengganu	Tiada data	26	62	67
Wp Kuala Lumpur	15	25	27	27
Wp Labuan	2	2	3	3
Wp Putrajaya	1	1	1	1
Jumlah	815	1,026	1,108	1,177

Sumber: Statistik Kelas al-Quran & Fardhu Ain (KAFA) & Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan, JAKIM (2021)

Jadual 2 menunjukkan taburan IT milik swasta berdaftar di Malaysia. Sejak tahun 2018 sehingga 2021 memaparkan pertambahan jumlah institusi. Sebanyak 815 institusi berdaftar pada tahun 2018 meningkat kepada 1,026 buah pada tahun 2019. Jumlah ini terus meningkat sehingga 2020 iaitu sebanyak 1,108 buah manakala 1,177 buah sekolah setakat bulan September 2021. Peningkatan institusi ini juga adalah seiring dengan pertambahan jumlah pelajar iaitu seramai 58,707 orang pada tahun 2019 kepada 62,940 orang pada tahun 2020 dan terus meningkat kepada 74,659 orang setakat bulan September 2021 (Statistik JAKIM, 2021).

Manakala, dalam peringkat pengajian di institusi tahfiz yang seterusnya adalah Kolej Tahfiz Negeri (KTN). Kolej Tahfiz Negeri merupakan institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian peringkat sijil dan diploma. Ambilan pelajar berumur 18 tahun ke atas dengan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Jadual 1, 2 dan 3 menunjukkan jumlah IT di Malaysia. Jadual menunjukkan bilangan IT milik kerajaan adalah terhad sama ada diperingkat sekolah dan kolej. Pengambilan pelajar juga perlu memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memasuki IT kerajaan ini (Solahuddin Ismail, 2018). Sehingga tahun 2019, seramai 4,474 pelajar di MTN manakala 1,437 pelajar di KTN (Statistik JAKIM, 2019). Jadual memaparkan terdapat sebahagian negeri di Malaysia tidak mempunyai IT kerajaan iaitu Johor, Pulau Pinang, Perlis, Sarawak, Kuala Lumpur dan Wilayah Labuan.

Jadual 3: Kolej Tahfiz Negeri (KTN) di Malaysia

NEGERI	2019- MAC 2020
Johor	0
Kedah	0
Kelantan	1
Melaka	1
Negeri Sembilan	1
Pahang	1
Pulau Pinang	0
Perak	1
Perlis	0
Selangor	0
Sabah	1
Sarawak	0
Terengganu	3
Wp Kuala Lumpur	0
Wp Labuan	0
Wp Putrajaya	0
Darul Quran JAKIM	1
Jumlah	10

Sumber: Statistik Kelas al-Quran & Fardhu Ain (KAFA) & Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan, JAKIM (2020)

Kategori Institusi Tahfiz (IT) di Malaysia

Kepelbagaian IT di Malaysia dari segi pemilikan samada kerajaan mahupun swasta menunjukkan perkembangan yang positif terhadap sistem pendidikan tahfiz. Kajian Hashim (2010) juga turut menyatakan bahawa kepelbagaian ini memberi peluang yang cerah buat para huffaz dan hafizah. Pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta kini menawarkan program pendidikan kepada graduan tahfiz yang sejajar dengan kebolehpasaran dunia. Hal ini kerana, lepasan pelajar tahfiz bukan hanya dapat menyambung pengajian mereka dalam bidang hafalan al-Quran, namun bidang profesional yang ditawarkan di institusi tinggi. Peluang menyambung pengajian ini dilihat memberi potensi yang baik buat graduan untuk melahirkan huffaz yang profesional.

Darul Quran

Daripada laman radio rasmi IKIM (2018), hasil kerjasama Darul Quran dengan beberapa institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Tenaga National (UNITEN), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Cyberjaya University College of Medical Science (CUCMS) telah berjaya melahirkan 1,790 graduan tahfiz profesional dalam bidang akademik di universiti masing-masing.

Program yang ditawarkan oleh Darul Quran juga telah memperoleh perakuan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Perakuan akreditasi bermaksud satu perakuan rasmi bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar yang mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditentukan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualification Agency (MQA) dan bersesuaian dengan Malaysian Qualifications Framework (MQF) (Agensi Kelayakan Malaysia, 2022).

Graduan yang memperoleh akreditasi MQA ini pastinya mempunyai manfaat yang tersendiri. Agensi Kelayakan Malaysia (2022) memperakui bahawa antara kelebihan yang bakal diperolehi oleh pelajar adalah kemudahan bantuan kewangan daripada agensi pembiayaan. Selain itu, pelajar boleh membuat pemindahan kredit mengikut syarat yang ditetapkan institusi dan melayakkan pelajar untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi samaada lokal atau antarabangsa. Disamping itu, graduan tahfiz yang memiliki sijil yang mempunyai akreditasi MQA ini juga layak memohon peluang pekerjaan dalam sektor awam seperti anggota bomba, polis, guru

dan sebagainya. Justeru, kelayakan yang wujud ini bakal memberi peluang yang lebih cerah buat graduan tahfiz yang memiliki sijil tahfiz ini. Jadual 4 menunjukkan program tahfiz Darul Quran yang menerima kelayakan daripada Malaysian Qualification Agency (MQA).

Jadual 4: Program Tahfiz Darul Quran yang Menerima Kelayakan Malaysian Qualification Agency (MQA)

Bil	Nama Kelayakan	Peringkat	Bil Kredit	Bidang (National Education Code)	NEC	Tarikh akreditasi **(dd/mm/yyyy)
1	Diploma Tahfiz AlQuran dan Al-Qiraat MQA/FA7510	Diploma	100	221 (Religion)		Mulai 30 Mei 2018
2	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian secara kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) MQA/FA1909	Sarjana Muda	132	221 (Religion)		Mulai 17 Januari 2012

Sumber: Agensi Kelayakan Malaysia (2022)

Perkembangan pendidikan pengajian al-Quran dilihat semakin memberangsangkan apabila Darul Quran berusaha meluaskan strategi dengan menjalinkan kerjasama bersama institusi pengajian awam dan swasta di dalam dan luar negara. Terdapat juga beberapa universiti terkemuka di dalam dan luar negara yang mengiktiraf program diploma sijil tahfiz antaranya ialah Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Manakala universiti luar negara seperti Universiti Islam Negeri Sultan Syariff Kasim Riau di Indonesia dan Universiti alAzhar turut mengiktiraf program diploma Tahfiz Darul Quran.

Darul Quran – Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)

Pengajian tahfiz al Quran semakin berkembang apabila Darul Quran melebarkan pengaruh dengan menjalinkan kerjasama bersama Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) pada tahun 2000 (Ahmad, 2015). Institusi ini telah memberi peluang kepada lepasan pelajar SPM untuk meneruskan pengajian dalam program pensijilan Tahfiz alQuran. Mengikut laman sesawang rasmi Darul Quran (2022), dalam kursus ini, para pelajar dikehendaki menamatkan tiga semester bagi membolehkan mereka meneruskan pembelajaran di UIAM dalam bidang profesional seperti perubatan, kejuruteraan, ekonomi dan sebagainya

Darul Quran - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Menurut laman sesawang rasmi Darul Quran (2022), institusi ini juga memeterai memorandum perjanjian (MoA) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian. Selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2009, Program Ijazah Sarjana Muda ini mula disambut baik oleh lepasan pelajar yang ingin menyambung pengajian mereka (Universiti Sains Islam Malaysia, 2015).

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Selain itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) juga telah membuka peluang kepada pelajar lepasan tahfiz untuk menyambung pengajian di universiti tersebut melalui program Plus Tahfiz (Sinar Harian, 2019). Daripada laman web rasmi Darul Quran (2022), Program Plus Tahfiz ini diaspirasikan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2018 dalam Dasar Pendidikan Tahfiz. Program ini merupakan program khusus buat pelajar lepasan pengajian tahfiz di

seluruh negara bagi meneruskan pengajian dalam bidang profesional yang ditawarkan di UiTM. Kenyataan ini disokong oleh pengkaji Bahri et al. (2021) yang berpendapat bahawa tujuan program Plus Tahfiz ini dilaksanakan adalah untuk menggalakkan graduan huffaz meneruskan pengajian ilmu al-Quran dan mengekalkan hafalan mereka di peringkat yang lebih tinggi agar mereka dapat mengekalkan dan mempertahankan ilmu al-Quran yang telah dipelajari. Program Plus Tahfiz ini dijalankan sebagai platform kokurikulum yang perlu diambil oleh pelajar yang memenuhi syarat akademik. Bagi menguruskan program Plus Tahfiz ini, UiTM telah melantik Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) sebagai pengurus program di setiap kampus (Akademi Pengajian Islam Kontemporari, 2020).

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Disamping itu juga, Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan, Dr Ibrahim Hashim turut menyatakan bahawa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kini menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dengan Pendidikan kepada lepasan pelajar STPM, STAM dan diploma dari mana-mana institusi pengajian tinggi. Pelajar yang ingin meneruskan pengajian ini perlu memenuhi syarat kelayakan antaranya ialah memiliki sijil Tahfiz al-Quran 30 Juzuk, melepasi ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) dan temuduga serta memperoleh Band Dua (2) dalam Sijil Malaysian University English Test (MUET) (Berita Harian, 2019).

Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad (KUIZM)

Selain itu juga, Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad (KUIZM) yang merupakan sebuah institusi swasta tidak ketinggalan dalam memberi peluang kepada pelajar lepasan tahfiz, SPM, STAM dan graduan yang memiliki sijil Syahadah Tahfiz 30 Juzuk untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di universiti. Laman sesawang rasmi KUIZM (2022) menyatakan bahawa KUIZM merupakan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang dikelola oleh Majlis Pendidikan PAS Peringkat Kebangsaan (MPPPK). Antara bidang yang ditawarkan termasuklah Diploma Dakwah dan Komunikasi, Diploma Muamalat dan Kewangan Islam serta bidang Pra Diploma dalam kursus Persediaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris (Harakah Daily, 2017).

Justeru, peluang menyambung pengajian dalam bidang profesional di peringkat yang lebih tinggi ini memberi peluang pekerjaan yang lebih luas kepada pelajar lepasan tahfiz dan tidak terhad kepada bidang keagamaan semata-mata. Peluang yang ditawarkan ini akan dapat melahirkan huffaz dan hafizah profesional yang menguasai kemahiran duniawi dan ukhrawi. Keadaan ini akan dapat menyangkal tanggapan masyarakat bahawa lepasan sekolah tahfiz tidak mempunyai masa depan yang baik. Selain itu, inisiatif ini juga dapat memberikan keyakinan yang lebih baik dari pihak tertentu terhadap IT.

Cabaran Mengekalkan Kelestarian Institusi Tahfiz dalam Era Pandemik

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah menjejaskan segenap aspek kehidupan tidak kira dari aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Berdasarkan laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (2022), Covid-19 adalah singkatan bagi Coronavirus 2019 yang ditemui di China pada tahun 2019. Covid-19 ini adalah sejenis virus yang boleh mengakibatkan jangkitan saluran pernafasan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Sektor pendidikan merupakan antara cabang sosial yang turut terkesan disebabkan pandemik ini. Akibat daripada wabak ini, Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil keputusan untuk mengumumkan penutupan sektor pendidikan bagi membendung penularan jangkitan.

Penutupan sekolah bukan bermaksud proses pengajaran dan pembelajaran dihentikan (Zhaffar et al., 2021). Sebaliknya, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) digantikan Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPr). Ini bermakna, pembelajaran tidak lagi dilaksanakan secara bersemuka tetapi diubah secara dalam talian (Shukri & Yunus, 2021). Justeru, setelah diumumkan penutupan sekolah ini, pihak pengurusan institusi tiada pilihan lain selain melaksanakan kaedah PdP secara maya.

Menyedari situasi ini, perubahan PdP ini secara tidak langsung memberikan cabaran baharu terutama terhadap pihak pendidik dan para pelajar. Keadaan ini tidak terkecuali memberi kesan terhadap Institusi tahfiz di Malaysia yang terpaksa mendepani cabaran baharu kesan daripada wabak ini. Antara cabaran yang dihadapi oleh

IT di Malaysia dalam mendepani pandemik Covid-19 ini termasuklah cabaran penggunaan teknologi, cabaran kekangan peranti dan internet, cabaran kemahiran guru, cabaran kekangan kewangan serta cabaran kehadiran murid.

Cabaran Penggunaan Teknologi

Teknologi merupakan antara cabaran ketara yang dihadapi oleh institusi pendidikan terutama dalam menghadapi pandemik Covid-19. Sektor pendidikan termasuklah institusi tahfiz tidak mempunyai pilihan lain selain menggunakan teknologi bagi meneruskan proses PdPr. Pihak pengurusan sekolah serta tenaga pengajar hendaklah menguasai ilmu teknologi agar proses pengajaran menjadi lebih berkesan. Kajian ini selari dengan pandangan Yahaya et al. (2020) yang menyatakan penggunaan teknologi bukan hanya menyediakan kemudahan mengakses maklumat, malah membantu proses pembelajaran dengan wujudnya teknologi sebagai medium interaksi.

Pembelajaran al-Quran di institusi tahfiz secara amnya terdiri daripada beberapa kaedah (Sulaiman, 2021). Antara kaedah pembelajaran yang diamalkan adalah berdasarkan keutamaan beberapa aspek oleh seorang tokoh ilmunan Islam Al-Qabisi. Al-Qabisi membahagikan kaedah pembelajaran kepada empat aspek utama iaitu *tasmi'* (mendengar), *talaqqi* (membetulkan bacaan dan sebutan huruf al-Quran), *tikrar* (ulang dan latih tubi) dan *al-fahm* (kefahaman ayat). Ilmunan Islam ini juga mencadangkan beberapa pendekatan yang menggunakan pancaindera untuk mempelajari al-Quran iaitu teknik mendengar, melihat, membaca serta menulis (Hussin, Ahmad, Saleh, & Haridi, 2021). Beliau juga menyarankan agar teknik yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini menggunakan kepelbagaian pancaindera antaranya mendengar, melihat, membaca dan menulis.

Sebelum pandemik Covid-19 melanda negara, teknik yang disebutkan di atas dilaksanakan secara bersemuka. Oleh kerana proses pdp kini tidak dibenarkan beroperasi di sekolah, pihak tahfiz turut mengambil alternatif menjalankan pembelajaran dengan menggunakan teknologi digital dan aplikasi moden. Kajian Hussin, Ahmad, Saleh, & Haridi (2021) juga pernah membincangkan beberapa aplikasi moden yang telah dicipta bagi membolehkan pelajar tahfiz melaksanakan pembelajaran al-Quran antaranya ialah aplikasi *Ez-Hifz*, *Huffaz-M*, *Smart al-Quran Memorization (Smart Al-Q)*, Aplikasi *Tasmik* dan *Ez-Warsh*. Selain itu juga, murid boleh mempelajari al-Quran dengan memuat turun aplikasi *Quran Audio Recitation (QAR)* yang boleh membantu murid mengesan kesalahan bacaan dan aplikasi *E-Halaqat* iaitu satu kaedah yang menyerupai *halaqah* namun dilaksanakan secara dalam talian (Mustafa & Basri, 2014).

Berdasarkan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Pekeliling Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2 tahun 2020, pihak pengurusan institusi pendidikan boleh melaksanakan PdPr sama ada secara dalam talian atau luar talian ataupun secara luar kawasan sekolah (*off-site*) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Bagi PdPr secara dalam talian, PdPr dilaksanakan menggunakan aplikasi teknologi untuk berhubung dengan pelajar secara masa sebenar (*real time*). Sebagai contoh, penggunaan aplikasi *Zoom*, *Webex*, *Google Meet* diadakan secara lintas langsung (*live streaming*) yang boleh disertai oleh para guru dan pelajar dalam masa yang sama. Bagi guru yang memilih pendekatan luar talian pula, guru akan menyediakan bahan pembelajaran dan memuat naik bahan tersebut kepada pelajar untuk diakses pada bila-bila masa.

Pendekatan luar talian ini digunakan untuk membantu murid yang tidak mempunyai capaian internet untuk menyertai kelas secara dalam talian. Aplikasi ini dapat membantu para pendidik menyediakan bahan pembelajaran atau nota ringkas kepada pelajar. Nota yang disediakan ini akan diagihkan kepada pelajar melalui teknologi seperti *Whatsapp*, *Google Drive*, *Google Classroom* atau lain-lain. Penggunaan platform ini memudahkan para pelajar untuk mengakses nota, slaid, video dan latihan yang disediakan oleh guru mereka dengan mudah tanpa perlu berjumpa. Berdasarkan dapatan kajian Zhaffar et al. (2021); Chear (2017) dan Idris & Rosli (2019), aplikasi teknologi yang menjadi pilihan tenaga pengajar dan pelajar antaranya ialah *Whatsapp* dan *Telegram*. Manakala pendekatan secara *off site* pula, institusi pendidikan akan melantik guru atau *Academic Support Team (AST)* untuk membimbing murid yang tidak mempunyai capaian internet sama ada di sekolah atau murid melaksanakan pembelajaran secara sendiri (Sinar Harian, 2021).

Cabaran Kekangan Peranti dan Internet

Peranti merupakan alatan yang paling utama untuk melaksanakan proses PdPr. Kebergantungan sistem pendidikan terhadap peranti dan internet kini dilihat sebagai senario baru dalam meneruskan proses pembelajaran murid. Antara peranti yang boleh digunakan bagi proses pembelajaran murid tahfiz termasuklah telefon pintar, komputer, MP3 dan *al-Quran Pen Reader*. Namun, alatan seperti telefon pintar adalah antara alatan yang paling diperlukan semasa sesi PdPr. Justeru, ketiadaan gajet ini menjadi suatu halangan buat pelajar untuk mengikuti kelas online. Dapatan kajian lepas, rata-rata menyatakan kebanyakan murid tidak mempunyai peranti untuk mengikuti pembelajaran (Hussin, et al., 2021; Hassan et al., 2021; Ismail et al., 2020). Kenyataan ini bersamaan dengan dapatan daripada International Islamic University Malaysia (2021) yang telah mengenalpasti bahawa kekangan peranti di rumah menyebabkan sesetengah pelajar terpaksa berkongsi dengan adik-beradik mereka yang juga masih belajar.

Keadaan ini dirumitkan lagi apabila sesetengah ibu bapa tidak mampu menyediakan peranti kepada anakanak mereka yang bersekolah kerana kekurangan sumber pendapatan. Secara tidak langsung, situasi ini menimbulkan masalah buat pelajar untuk menyertai kelas kerana tidak mempunyai peranti. Pengkaji lepas iaitu Ismail, Osman, & Hassan (2020) turut membincangkan isu yang sama dalam kalangan murid dimana masalah capaian internet juga turut menjadi isu yang sering berlaku dalam PdPr. Keadaan ini merumitkan pelajar tahfiz untuk menghadiri kelas terutama pembelajaran jenis *tasmik*. Justeru, kebanyakan guru memilih penggunaan aplikasi *Whatsapp* untuk berhubung dengan pelajar kerana *WhatsApp* dianggap mengkonsumsi data yang kurang berbanding aplikasi lain (Zhaffar et al., 2021).

Cabaran Kemahiran Guru

Tenaga pengajar merupakan model kepada para pelajar. Bagi melahirkan graduan yang berkemahiran dan profesional sepertimana hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, pendidik perlulah menguasai kemahiran digital, pedagogi dan kepakaran (Noorashid, 2019). Pendidik haruslah sentiasa bersedia dengan perubahan baharu dalam melaksanakan proses PdP dengan lebih berkesan. Warga pendidik terutama guru tahfiz disarankan menggunakan pendekatan pengajaran terkini yang lebih efektif supaya ilmu al-Quran dapat dipelajari oleh generasi baharu (Yahaya et al., 2020). Kenyataan ini selari dengan pandangan Abdullah et al. (2003) yang mencadangkan bahawa pendidik perlulah menggunakan teknik-teknik penghafazan yang terkini agar dapat memberikan pendedahan pembelajaran yang berkesan buat pelajar.

Antara kemahiran yang amat diperlukan pada masa kini termasuklah kemahiran kaedah pengajaran teknologi digital. Malangnya, sesetengah guru di institusi tahfiz kurang berkemahiran dalam menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM). Sebagaimana dibincangkan oleh sarjana Kaimin, Yussuf, & Yusoff (2021), didapati bahawa guru kurang mengaplikasikan bahan bantu mengajar (BBM) walaupun pihak sekolah menyediakan sumber pendidikan yang berkaitan. Hal ini kerana guru kurang berkemahiran dalam menggunakan BBM dan menganggap BBM objek yang berasingan dengan bilik darjah. Selain itu, kajian Mustafa, Johan, & Safar (2020) pula selari dengan kenyataan diatas dimana pengkaji mendapati bahawa kurang pendedahan dan persediaan tentang penggunaan BBM juga merupakan antara faktor tenaga pengajar kurang memberikan penekanan penggunaan teknologi BBM. Tenaga pengajar di institusi tahfiz juga didapati menjalankan sesi pengajaran mengikut pengalaman mereka terdahulu dan sesetengah teknik pengajaran ini agak membosankan disebabkan penggunaan teknik pengajaran yang lama.

Kemahiran penggunaan teknologi digital dan *online learning* merupakan antara kemahiran yang amat diperlukan oleh setiap pendidik terutama dalam era pandemik dan pembelajaran abad ke-21. Kini, kaedah PdP menggunakan bahan bantuan mengajar digital juga wajar dilaksanakan sejajar dengan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) (Mokhtar et al., 2021). Mohd Azizee Hasan, selaku Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (iGuru) menyatakan guru tahfiz perlulah membekalkan diri dengan ilmu teknologi digital dan pembelajaran secara dalam talian dalam melaksanakan proses PdP (Berita Harian, 2020). Pendidik perlulah berkemampuan untuk mengintegrasikan pelbagai elemen seperti grafik, audio, animasi dan video dengan topik pembelajaran pelajar.

Penggunaan elemen *hyperlink* iaitu pautan yang boleh memindahkan dokumen asal ke dokumen yang lain juga boleh digunakan oleh tenaga pengajar pada masa kini. Kaedah ini dapat diaplikasikan untuk membuat persembahan bagi topik yang ingin diajar sejajar dengan perkembangan teknologi semasa. Bagi aktiviti pembentangan pelajar pula, sesetengah tenaga pengajar menggunakan perisian tertentu contohnya *Microsoft Power Point*, *Google Slide*, *Pretzi* dan sebagainya. Pembentangan menggunakan perisian sebegini mampu menjadikan murid lebih kreatif untuk menyiapkan tugas mereka.

Walaupun kemahiran menguasai teknik menghafaz alaf baharu ini memberikan kesan yang positif buat guru dan pelajar, kemahiran ini merupakan satu cabaran buat guru tahfiz. Kenyataan ini dibuktikan oleh Yahaya et al. (2020) yang menyatakan tahap penggunaan aplikasi digital dalam kalangan guru tahfiz masih sederhana walaupun hakikatnya kebanyakan mereka bersetuju akan kelebihan penggunaan aplikasi digital. Hal ini kerana majoriti guru tahfiz melaksanakan kaedah pengajaran tahfiz berdasarkan pengalaman mereka semata-mata (Abdullah et al., 2003). Kenyataan ini disokong oleh Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Johor yang menjelaskan kebanyakan guru tahfiz tidak menguasai ilmu teknologi maklumat terutama golongan guru lama (Berita Pas, 2021). Tambahan itu juga, kajian daripada International Islamic University Malaysia (2021) mendapati bahawa sistem pondok dan tahfiz kebanyakannya kekurangan kemahiran dan kreativiti dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian.

Meskipun begitu, menurut Zhaffar et al. (2021), walaupun warga pendidik disediakan panduan proses pengajaran murid oleh KPM, namun ada antara mereka yang mengubahsuai teknik pengajaran menjadi lebih kreatif dan mudah dipraktikkan. Situasi ini menunjukkan kreativiti dan inovasi seseorang guru bergantung kepada diri mereka sendiri untuk berusaha mencari jalan menyediakan PdP yang berkesan buat pelajar mereka. Ciri-ciri inilah yang sepatutnya ditanam oleh setiap warga pendidik khususnya di institusi tahfiz. Secara tidak langsung, guru tahfiz yang berkemahiran dan berinovatif akan dapat melahirkan pelajar tahfiz yang berkualiti. Justeru, guru perlulah menguasai ilmu kaedah dan strategi pengajaran pelajar. Maka, situasi ini akan melahirkan huffaz yang cemerlang dari segenap aspek apabila dilatih dan diajar oleh tenaga pengajar yang berkemahiran dan profesional (Mohamad, 2020).

Cabaran Kekangan Kewangan

Kekangan kewangan merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh institusi tahfiz terutama swasta. Hal ini kerana, majoriti institusi tahfiz swasta dibiayai oleh dana persendirian, yuran pelajar, bantuan lain seperti sedekah dan wakaf (Yusof et al., 2022). Keadaan ini menyebabkan terdapat sesetengah institusi tahfiz swasta kebanyakannya mengalami masalah kewangan untuk mentadbir institusi tersebut. Menurut ucapan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, beliau menjelaskan bahawa kebanyakan institusi tahfiz berdepan dengan masalah kewangan kerana bergantung sepenuhnya dengan yuran pelajar sahaja (Berita Harian, 2017). Muhammad Abdul Salam selaku Pengerusi Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran turut menyatakan kebergantungan sekolah tahfiz terhadap yuran pelajar dan sumbangan semata-mata menyebabkan sekolah tidak mampu bertahan apabila ketiadaan dana-dana ini. Malah, kesan dari kekangan kewangan ini juga pihak tahfiz tidak mampu membayar gaji guru, bil utiliti serta kos yang berkaitan.

Keadaan ini bertambah parah apabila tercetusnya pandemik Covid-19 yang melanda di seluruh negara. Akibat daripada situasi ini, beberapa institusi tahfiz terpaksa ditutup kerana tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk meneruskan pentadbiran institusi. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Persatuan Madrasah Tahfiz Al Quran Malaysia (PERMATA) terhadap 512 buah tahfiz negara ini, sebanyak 11.7% daripada bilangan institusi tahfiz tersebut terpaksa menamatkan perkhidmatan pekerja, sebanyak 52% sahaja yang mampu membayar gaji pekerja mereka manakala 34.4% lagi tidak mampu meneruskan pentadbiran melebihi tempoh tiga bulan kesan dari pandemik ini. Tambahan itu juga, Datuk Adnan Hashim Selaku Bendahari Agung Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA) dalam kenyataan beliau pada 27 ogos 2021 turut menyatakan dianggarkan sebanyak 140 buah tahfiz di seluruh negara terpaksa ditutup kerana tidak mampu menanggung kos pentadbiran sekolah dalam krisis pandemik (Utusan Malaysia, 2021).

Selain itu, proses PdPr kesan dari pandemik ini juga turut meningkatkan kos bahan bantu mengajar para guru dari rumah. Hal ini kerana, pihak guru perlu melabur untuk pembelian beberapa Bahan Bantu Mengajar (BBM) terutama peralatan seperti komputer, data atau wifi dan sebagainya agar proses pengajaran menjadi lebih mudah dan efisien. Sebagaimana dinyatakan oleh Zhaffar et al. (2021), dapatan kajian menyatakan terdapat tenaga pengajar yang memerlukan pembelian beberapa alatan bantu mengajar seperti *green screen*, *ring light* dan sebagainya untuk membentangkan topik yang diajar. Justeru, pihak kerajaan persekutuan mahupun negeri perlulah mengambil berat akan kebajikan guru bagi membantu meringankan beban mereka mendapatkan bahan bantu mengajar.

Cabaran Kehadiran Pelajar

Kehadiran pelajar juga merupakan antara cabaran yang terpaksa dilalui dalam melaksanakan proses pembelajaran jarak jauh ini. Berdasarkan kajian oleh Zhaffar et al. (2021) juga, dapatan menyatakan komitmen pelajar dalam menghadiri kelas online dari sehari ke sehari dilihat semakin menurun. Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim (i-Guru) menyatakan kehadiran murid dalam pembelajaran maya dilaporkan hanya 20 hingga 30 peratus sahaja yang mengikuti kelas mereka (Berita Harian, 2020). Kenyataan ini disokong oleh International Islamic University Malaysia (2021) yang turut mendapati bahawa kehadiran pelajar mengikuti kelas online tidak mencapai tahap sepenuhnya.

Walaupun pelajar tidak perlu menghadiri kelas pembelajaran secara fizikal, namun aspek pemantauan kehadiran pelajar secara maya tetap perlu dititikberatkan. Dengan penggunaan teknologi masa kini, pihak pengurusan institusi dapat memantau kehadiran pelajar dengan mengisi borang Sistem Kehadiran Murid atau eKehadiran. eKehadiran Murid boleh diakses melalui laman sesawang rasmi Aplikasi Pangkalan Data Murid (<https://apdm.moe.gov.my/>) atau aplikasi mudah alih (*mobile app*) eKehadiran Murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Sistem ini amat praktikal dan realistik untuk dilaksanakan terutama di waktu PdP secara berjauhan ini. Namun, aplikasi ekehadiran ini hanya boleh diaplikasikan oleh sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia misalnya Maahad Tahfiz Negeri.

Bagi maahad tahfiz swasta, pihak pengurusan institusi boleh menggunakan sistem *Student QR Points* untuk merekod kehadiran pelajar. Sistem *Student QR Points* ialah satu sistem yang membenarkan pihak pengurusan sekolah untuk mengurus prestasi akademik dan sahsiah pelajar serta dapat merekod kehadiran pelajar dengan cepat dan lengkap dengan hanya menggunakan *QR Code* pada ID pelajar (Student QR Point, 2019). Selain itu, antara inisiatif lain yang boleh diambil adalah dengan memastikan bilangan pelajar adalah mencukupi apabila mengadakan kelas *online*, memberikan borang kehadiran (*google form*) untuk diisi oleh setiap pelajar setelah sesi pembelajaran tamat dan menyediakan kuiz *online* setelah proses PdP selesai. Kebanyakan IT memilih kaedah seperti disebutkan diatas kerana dianggap lebih mudah dan praktikal.

KESIMPULAN

Pendidikan tahfiz pada masa kini telah berkembang dan bergerak selari dengan pendidikan di peringkat persekolahan kerajaan. Perkembangan institusi tahfiz ini mencetuskan kepelbagaian institusi tahfiz dari segi pengurusan di mana perkembangan ini menggalakkan kemajuan IT Pendidikan tahfiz yang bervariasi ini diharapkan dapat membantu pelajar tahfiz untuk cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah mereka. Dengan kecemerlangan yang holistik ini, para *huffaz* dan *hafizah* mempunyai peluang yang besar untuk menjawat kerjaya profesional yang mereka impikan.

Implikasi kajian ini diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang hala tuju graduan tahfiz setelah menamatkan pelajaran di peringkat sekolah. Dapatan kajian telah mengenalpasti beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan kursus pengajian khas buat pelajar lepasan sekolah tahfiz. Graduan tahfiz kini tidak lagi ketinggalan untuk mempelajari bidang kemahiran dan profesional mengikut minat dan kemahuan masing-masing. Situasi ini menjadikan graduan institusi tahfiz dapat berdiri setaraf dengan graduan lepasan institusi pendidikan yang lain.

Walaupun institusi tahfiz mendepani cabaran yang sukar untuk mengekalkan kelestarian terutama dalam pandemik Covid 19 ini, cabaran yang dilalui sedikit sebanyak mampu memberikan kesan yang baik buat institusi tahfiz. Cabaran-cabaran seperti penggunaan teknologi, kekangan gajet dan internet, kemahiran guru, kekangan kewangan serta kehadiran murid ini akan menyedarkan IT untuk beralih dari zon selesa dan berusaha mencari jalan untuk menangani cabaran tersebut. IT dapat mengenalpasti kelompongan institusi lantas memperbaiki kekurangan mereka. Antara implikasi yang baik termasuklah sekolah mengambil inisiatif sebagai usaha mencari dana bagi menampung kos institusi dengan mengusahakan perniagaan seperti menjual kain pelekat sebagaimana dimaklumkan oleh Pengurus Madrasah Tahfiz Arrahimiyah.

Guru tahfiz juga seharusnya menanam sikap profesional dan mempunyai kemahiran yang tinggi sejajar dengan kaedah *e-learning*. Selain dari kemahiran digital tenaga pengajar perlulah menguasai sebaiknya dalam bidang pedagogi serta tahap profesionalisme mereka sekiranya ingin membina pelajar huffaz yang berkualiti di peringkat lokal mahupun antarabangsa. Tenaga pengajar disarankan sentiasa peka dengan keperluan dan minat pelajar agar pelajar dapat mengikuti pembelajaran mereka dengan lebih berkesan dan menepati objektif pembelajaran. Sejajar dengan hasrat pendidikan, tenaga pengajar akan dapat mengadaptasikan diri dan menerima dengan hati yang terbuka terhadap perubahan proses pengajaran era pandemik dan digitalisasi ini.

Justeru, semua pihak perlulah menggembleng tenaga untuk sama-sama menyokong institusi tahfiz ini. Kementerian Pendidikan Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ibubapa dan masyarakat setempat haruslah saling menyokong demi memastikan institusi tahfiz di negara kita ini terus membangun. Selain daripada pihak kerajaan, pihak pengurusan IT juga khususnya, disarankan mengambil tindakan proaktif agar institusi ini dapat bergerak selari dengan kemajuan negara. Dengan ini, graduan yang profesional dan berkemahiran dalam segenap aspek dapat dilahirkan selari dengan matlamat pendidikan negara.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibawah skim geran FRGS (FRGS/1/2019/SS103/UITM/02/1, di bawah projek “Pembinaan Model Integrasi Wakaf Dan Ijarah Dalam Kelestarian Sekolah Tahfiz Swasta Di Malaysia”.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H., Safar, A., Karjo, M. I., & Azhar Muhammad, I. I. (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, M., Abdullah, A. H., Rosman, A. S., & Ilias, M. F. (2015). Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. *International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship*, (pp. 1-8). Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi, Malaysia.
- Agensi Kelayakan Malaysia. (2022). *Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. Retrieved from Agensi Kelayakan Malaysia: <https://www2.mqa.gov.my/mqr/iptaKPListAA.cfm?IDAkriPTS=583>
- Ahmad, N. (2015). Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia. *Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz ke IV*, (pp. 1-24). Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor.

- Akademi Pengajian Islam Kontemporari. (2020). *Program Plus Tahfiz*. Retrieved from Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA (UiTM): <https://acis.uitm.edu.my/index.php/programme/plustahfiz>
- Akhir, N. S., Abdullah, S. R., Ghazali, A. M., Yusof, A. S., & Hussin, R. (2019). Integrasi Wakaf dan Ijarah: Alternatif dalam Kelestarian Sekolah Tahfiz Swasta di Malaysia. *International Conference on Zakat, Tax, Waqf And Economic Development (ZAWED)*. Adya Hotel Langkawi, Malaysia: Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia.
- Akhir, N. S., Yusof, A. S., Abdullah, S. R., Ghazali, A. M., & Hussin, R. (2021). Penjanaan Hasil Wakaf Menerusi Kaedah Ijarah Dalam Kelestarian Sekolah Tahfiz Swasta Di Malaysia. *Voice Of Academia Vol 17 (II)-Academic Series Of UiTM Kedah*, 200-209.
- Bahri, S., Azlan, A., Ismail, A., & Wong, M. S. (2021). Kualiti Hafalan Terhadap Prestasi Akademik Plus Tahfiz UiTM Shah Alam. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 39-50.
- Berita Harian. (2017, September 16). *Maahad Tahfiz, Pondok Perlu Bantuan Kewangan*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/09/326233/maahad-tahfiz-pondok-perlubantuan-kewangan>
- Berita Harian. (2019). *UPSI Universiti Awam Pertama Tawar Program Tahfiz al-Quran dan Qiraat*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/551459/upsi-universiti-awampertama-tawar-program-tahfiz-al-quran-dan-qiraat>
- Berita Harian. (2020, Mei 16). *COVID-19: Pendidikan Menerusi Dunia Maya Cabaran Baharu Buat Guru*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>
- Berita Harian. (2020, Jun 23). *Hanya 20-30 Peratus Murid Ikuti PdP Dalam Talian*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703364/hanya-20-30-peratus-murid-ikuti-pdpdalam-talian>
- Berita Pas. (2021, 6 16). *Rencana PKP : Pendidikan tahfiz menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru tahfiz*. Retrieved from Berita Pas: <https://berita.pas.org.my/rencana-ppk-pendidikan-tahfiz-menerusi-duniamaya-cabaran-baharu-buat-guru-tahfiz/>
- Chear, S. L. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia 42(2) (2017): In Press (Pratatapan)*, 1-14.
- Darul Quran. (2022). *Maklumat Korporat Pencapaian*. Retrieved from Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): <https://www.darulquran.gov.my/xs/page.php?id=7>
- Harakah Daily. (2017). *KUIZM Tawar Peluang Istimewa*. Retrieved from Harakah Daily: <https://harakahdaily.net/index.php/2017/07/19/kuizm-tawar-peluang-istimewa/>
- Hashim, A. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan MTQN*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hassan, S. A., Abidin, S. Z., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Vol 2 (10)*, 1-14.

- Hussin, H., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., & Haridi, N. H. (2021). Medium PdPr Hafazan Al-Quran Semasa Covid19: Analisis Penggunaan Teknologi Di Kalangan Pelajar Di Universiti Awan Dan Swasta. *Proceeding the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT) 2021* (pp. 911-926). Faculty of Quranic and Sunnah Studies: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Idris, Z., & Rosli, R. (2019). Whatsapp: Penggunaannya Dalam Membantu Pembelajaran Matematik Tambahan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Kerajaan Di Kuala Lumpur. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019* (pp. 73-92). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- IKIM. (2018). *Kerjasama Darul Quran-IPT Lahir 1,790 Huffaz Profesional*. Retrieved from IKIM. Retrieved from IKIM.
- International Islamic University Malaysia. (2021). *Cabaran Norma Baru Pendidikan Agama Islam Dalam Situasi Pandemik Masa Kini (Ucapan MKH pada Forum di Konvensyen Murabbi Peringkat Nasional)*. International Islamic University Malaysia.
- Ismail, A., Osman, K., & Hassan, N. H. (2020). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. *e-Prosiding: Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik* (pp. 110-116). Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, S. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. *Simposium Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa Vol. 1*, (pp. 1-11). Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor.
- Ismail, S. (2018). Sejarah Perkembangan dan Status Terkini Pengajian Tahfiz di Malaysia: Manhaj dan Model. *Muzakarah Institusi Tahfiz Negara*, (pp. 1-12). Kompleks Dakwah Darul Murtadha Sungai Petani Kedah.
- Kaimin, S. K., Yussuf, A., & Yusoff, M. Y. (2021). Masalah Dan Cabaran Guru Tahfiz Dalam Pelaksanaan Pengajaran Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Di Kementerian Pelajaran Malaysia. *The 7th International Conference On Quran As Foundation Of Civilization (SWAT 2021)* (pp. 380-392). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020, Disember 07). *Soalan Lazim (FAQ) Rasmi Berkaitan COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia*. Retrieved from Kementerian Kesihatan Malaysia: <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19-kkm>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019, Januari 14). *Surat Pekeliling Ikhtisas: Panduan Pengurusan Rekod Sistem Kehadiran Murid di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia*. Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia: <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1932-surat-pekiling-ikhtisas-bilangan-1tahun-2019-panduan-pengurusan-rekod-sistem-kehadiran-murid-di-sekolah-kementerian-pendidikanmalaysia/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020, November 8). *Pemakluman Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah*. Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia: <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/surat-siaran/3833-suratpemakluman-pelaksanaan-pengajaran-dan-pembelajaran-di-rumah-pdpr-9-nov-2020/file>
- Mohamad, S. (2020, April 2). Revolusi Industri 4.0: Cabaran dan Peluang.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., & al-Hadi, M. M. (2021). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh PKP Pandemik Covid-19 di Sandakan. *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)*, (pp. 348-359). Johor Baharu.

- Mustafa, N. M., & Basri, M. (2014). Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR*, (pp. 827-834). Kota Kinabalu, Sabah.
- Mustafa, S. N., Johan, S. A., & Safar, J. (2020). Tahap Pencapaian Hafazan Murid Tahfiz Model Ulul Albab di Negeri Johor. *Journal of Islamic Dakwah (Al-Hikmah)*, 35-52.
- Nawi, N. H., & Salleh, N. H. (2017). Pembinaan Model Pengajian Tahfiz di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 5 (1), 1-11.
- Noorashid, N. A. (2019). Revolusi Industri 4.0: Impak Terhadap Perkembangan Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Journal of Sciences and Management Research*, 55-67.
- Shukri, S. H., & Yunus, M. M. (2021). Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Pencapaian Tahap Akademik Murid. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 313-343.
- Sinar Harian. (2019). *Peluang Kepada Pelajar Tahfiz*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/26651/berita/nasional/peluang-kepada-pelajar-tahfiz>
- Sinar Harian. (2021, Jun 15). *PdPR: Beri lebih banyak ruang belajar*. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/144278/BERITA/Nasional/PdPR-Beri-lebih-banyak-ruangbelajar>
- Solahuddin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. *Simposium Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa* (pp. 1-11). Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor: Universiti Utara Malaysia.
- Student QR Point. (2019). *Sistem Merekod Sahsia dan Kehadiran Murid Menggunakan Kod QR*. Retrieved from *Student QR Point*: <https://ms.studentqr.com/>
- Sulaiman, S. S. (2021). Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU) [S.l.]*, v. 2, 44-59.
- Talib, N. H., Shafie, B. H., & Tamuri, A. H. (2017). Program Pengajian Tahfiz dan Asas Penawarannya di Politeknik: Satu Sorotan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(1), 115-127.
- Universiti Sains Islam Malaysia. (2015). *USIM dan JAKIM Meterai Perjanjian MOA dalam Penawaran Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah*. Retrieved from Universiti Sains Islam Malaysia: <https://www.usim.edu.my/ms/berita/usim-dan-jakim-meterai-perjanjian-moa-dalam-penawaran-ijazahsarjana-muda-pengajian-quran-dan-sunnah/>
- Utusan Malaysia. (2021, Ogos 27). *Pusat Tahfiz 'Ditelan' Sisi Gelap Covid-19*. Retrieved from Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/commentary/pusat-tahfiz-ditelan-sisi-gelap-covid-19/>
- Yahaya, M., Zakaria, R., Shaiful, M., & Zaid, M. (2020). Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Tahfiz. In A. S. Nzly, M. I. Nawi, S. N. Aziz, & N. H. Yusoff, *Isu-isu Kontemporari dalam Pengajian Tahfiz al-Quran dan alQiraat* (pp. 42-46). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kajang, Selangor: Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS.
- Yusof, A. S., Akhir, N. S., Ismail, S. I., Abdullah, S. R., & Ghazali, A. M. (2022). Survivalability Of Private Tahfiz Schools In Malaysia: Examining The Waqf And Ijarah Concept. *International Journal Of Academic Research In Business & Social Science* 12(6), 1665 – 1672.

- Zakaria, F. I., Noh, M. A., & Razak, K. A. (2018). Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43 (1), 141-148.
- Zhaffar, N. M., Abdullah, W. A., Razak, K. A., & Hamzah, M. I. (2021). Pengajaran Maya Guru Inovatif Pendidikan Islam dalam Era Pandemi COVID-19. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 7, 31-43.